

27/05/2000

`Pengarang Harakah siar artikel berunsur hasutan'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seorang pegawai polis memberitahu Mahkamah Sesyen di sini hari ini, beliau menahan Pengarang Harakah, Zulkifli Sulong selepas siasatannya menunjukkan tertuduh bertanggungjawab terhadap semua artikel bahasa Malaysia dalam akhbar itu.

Perkara berkenaan diberitahu oleh pegawai penyiasat Asisten Superintendan Goh Lee Shen dalam perbicaraan terhadap Zulkifli, yang dituduh menerbitkan artikel berbentuk hasutan dalam lidah rasmi Pas, Harakah keluaran 2 Ogos 1999.

Artikel itu bertajuk Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra manakala perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi: Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau." Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional. Goh berkata, hasil siasatannya menunjukkan Pengarang bahasa Inggeris Harakah, Muhamad Abdul Ar-Rahman Koya membuat satu rencana selepas menerima bahan daripada Dr Chandra.

Bahan itu kemudian diberikan kepada Zulkifli yang mengarahkan beberapa wartawan menterjemahkannya ke bahasa Malaysia dan diolah dalam bentuk berita sebelum diberikan tajuk oleh tertuduh sendiri.

Menjawab soalan Penolong Pendakwaraya Abdul Rahman Redza, Goh berkata beliau difahamkan Zulkifli yang membuat keputusan mengenai berita yang akan disiarkan dalam Harakah.

"Saya menyoal siasat (Pengarang Urusan Harakah) Datuk Hishamudin Yahaya dan beliau berkata beliau tidak tahu berita yang dimasukkan dalam Harakah.

"Abdul Rahman Koya pula berkata semua berita bahasa Malaysia adalah tanggungjawab tertuduh, jadi saya anggap semua berita bahasa Malaysia adalah tanggungjawab Zulkifli sebagai Ketua Pengarang Harakah," katanya ketika memberi keterangan di hadapan Hakim Khadijah Idris.

Katanya, beliau difahamkan Zulkifli membaca artikel yang akan digunakan sebelum meletakkan tajuknya.

Zulkifli, yang diwakili peguam Zamani Ibrahim, dihadapkan ke mahkamah pada 13 Januari lalu.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada atau sekitar 2 Ogos lalu manakala Chea, 62, dituduh melakukan kesalahan itu pada atau sekitar 2 Ogos lalu di Lot 9, Jalan 51A/243 Petaling Jaya.

Perbicaraan bersambung pada 13 Julai depan.

(END)